

Nama :

Nama :

Baca petikan di bawah.

### Amir Anak Yang Baik

**Amir bangun awal pagi setiap hari. Dia mengemas katilnya sendiri. Kemudian Amir ke bilik air untuk menggosok gigi dan mandi.**

**Selepas selesai sembahyang subuh, Amir turun ke dapur untuk menikmati sarapan berkhasiat yang disediakan oleh ibunya.**

**Ibu Amir, Puan Amna, sangat sayang akan anaknya. Dia memastikan Amir bersarapan sebelum ke sekolah.**

**Selesai sarapan, Amir bersalam dan mencium pipi ibunya.**

**Di luar, bas sekolah sudah tiba.**

**Amir beratur bersama kawan-kawannya yang lain untuk menaiki bas. Dia tidak mahu berebut-rebut untuk mengelakkan diri daripada terjatuh.**

Pilih nilai murni yang sesuai berdasarkan pernyataan di bawah?

1. Amir bangun awal pagi setiap hari?

Menepati masa

Kerjasama

2. Dia mengemas katilnya sendiri.

Baik hati

Berdikari

3. Kemudian Amir ke bilik air untuk menggosok gigi dan mandi?

Menjaga Kebersihan

Tolong-menolong

4. Selepas bersarapan, Amir bersalam dan mencium pipi ibunya.

Kejujuran

Menghormati Ibu bapa

5. Amir beratur bersama kawan-kawannya yang lain untuk menaiki bas

Berhati-hati

Berdisiplin